

e-Lingua 1/2025

JANUARY 2025



Academy of Language Studies
UiTM Cawangan Pulau Pinang



Table of contents



<u>From the Editorial Team</u>	3
<u>Department News & Reports</u>	4
<u>Club News & Report</u>	27
<u>Self-Love First</u>	39
<u>Travelling</u>	46
<u>Home Garden</u>	58
<u>Teaching & Learning</u>	64
<u>Lecturer's Contribution</u>	68
<u>Creative Writing</u>	81
<u>The Team</u>	90

Jom Sayang Pasukan Penyayang 2.0: Memupuk Kerjasama Kelab Budi Penyayang

Oleh: Noor Azli Affendy Lee & Mohd Ikmal Fazlan Rozli @ Rosli

Pada 9 November 2024, program teambuilding Jom Sayang Pasukan Penyayang 2.0 telah berjaya dianjurkan oleh Kelab Budi Penyayang UiTM Cawangan Pulau Pinang bertempat di Kaizer Paintball, Guar Perahu. Program ini bertujuan memperkukuh semangat kerja berpasukan dalam kalangan ahli baharu dan lama kelab melalui aktiviti rekreasi yang menyenangkan. Seramai 13 pelajar menyertai program ini, disokong oleh dua penasihat kelab, iaitu En. Noor Azli bin Affendy Lee dan Ts. Dr. Mohd Ikmal Fazlan bin Rozli @ Rosli. Pengalaman yang diperolehi sepanjang program memberikan kesan bermakna kepada semua peserta.



Jom Sayang Pasukan Penyayang 2.0 dirancang sebagai platform untuk mengeratkan hubungan antara ahli baharu dan lama Kelab Budi Penyayang. Aktiviti paintball dipilih kerana ia memerlukan koordinasi, strategi, dan komunikasi yang efektif, menjadikannya alat yang sesuai untuk memperkukuh semangat kerja berpasukan. Setiap perlawanan menguji kemampuan peserta dalam aspek strategi, kerjasama, dan kepantasan berfikir. Selain itu, aktiviti ini juga memberi peluang kepada pelajar untuk menghilangkan tekanan akademik sambil mempertingkatkan kecergasan fizikal.

Program ini berjaya mencapai matlamatnya dengan sokongan penuh daripada pelajar dan penasihat kelab. Ia memperlihatkan komitmen tinggi terhadap pembangunan kemahiran insaniah seperti komunikasi, pemikiran kritis, dan kerja berpasukan. Aktiviti ini juga berjaya memperkukuh hubungan sosial dan semangat kekitaan dalam kalangan peserta. Kejayaan program ini diharapkan menjadi pemangkin kepada penganjuran aktiviti serupa pada masa hadapan. Program seperti ini bukan sahaja mampu mengukuhkan semangat kerja berpasukan dan kesedaran kesihatan mental dalam kalangan pelajar UiTM, malah memupuk nilai kepemimpinan yang penting untuk menghadapi cabaran masa depan.

